# RISDA

**PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

## KENYATAAN TENDER

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) mempelawa **pembekal-pembekal** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** kod bidang **070303 (Peralatan & Kelengkapan Pertanian)** untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan bekalan dan perkhidmatan seperti berikut:-

| No. Tender | Tajuk Bekalan | Tempoh Paparan Slaid Taklimat di portal rasmi RISDA:- www.risda.gov.my | Tarikh/ Waktu Tutup/ Pejabat Yang Mengeluarkan Tender |
|---|---|---|---|
| 7.0-01/2021 | MEMBEKAL DAN MENGHANTAR **PAKEJ PERALATAN PPG** BAGI SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB DI SEMENANJUNG MALAYSIA TAHUN 2021<br><br>**i) ZON 1 (SELANGOR, NEGERI SEMBILAN, JOHOR & MELAKA)**<br><br>**ii) ZON 2 (PERAK & PAHANG)**<br><br>**iii) ZON 3 (TERENGGANU & KELANTAN)**<br><br>**iv) ZON 4 (PERLIS, KEDAH & PULAU PINANG)** | **Tarikh Paparan Slaid : 08.02.2021 Hingga 11.02.2021**<br><br>**Tarikh Mula Penjualan Tender : 08.02.2021**<br><br>**Pertanyaan Kewangan :**<br>**1. Hafizah binti Ka'ab**<br>**Tel : 03 - 42564022 ext 442**<br>**2. Mohd Azlan Bin Janatun**<br>**Tel : 03 - 42564022 ext 542**<br><br>**Pertanyaan Teknikal :**<br>**1. Mohamad Fuad Bin Chemmali**<br>**Tel : 03 - 42564022 ext 520**<br>**2. Muhammad Afiq Bin Johari**<br>**Tel : 03 - 42564022 ext 469** | **01.03.2021**<br>**(Isnin)**<br><br>**Jam:12.00 tengahari**<br><br>Urusetia:<br>**Unit Gaji & Perolehan Tingkat 7, Bahagian Kewangan & Belanjawan Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang, Kuala Lumpur** |
| 7.0-02/2021 | MEMBEKAL DAN MENGHANTAR **BAHAN RANGSANGAN LATEKS** BAGI SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB DI SEMENANJUNG MALAYSIA TAHUN 2021<br><br>**i) ZON 1 (SELANGOR, NEGERI SEMBILAN, JOHOR & MELAKA)**<br><br>**ii) ZON 2 (PERAK & PAHANG)**<br><br>**iii) ZON 3 (TERENGGANU & KELANTAN)**<br><br>**iv) ZON 4 (PERLIS, KEDAH & PULAU PINANG)** | | |

| No. Tender | Tajuk Bekalan | Tempoh Paparan Slaid Taklimat di portal rasmi RISDA:- www.risda.gov.my | Tarikh/ Waktu Tutup/ Pejabat Yang Mengeluarkan Tender |
|---|---|---|---|
| **7.0-03/2021** | MEMBEKAL DAN MENGHANTAR **PAKEJ PERALATAN PPG DAN BAHAN RANGSANGAN LATEKS** BAGI NEGERI SABAH DAN SARAWAK TAHUN 2021<br><br>**i) NEGERI SABAH**<br><br>**ii) NEGERI SARAWAK** | | **01.03.2021**<br>**(Isnin)**<br><br>**Jam:12.00 tengahari**<br><br>Urusetia:<br><br>**Unit Pentadbiran Dan Kewangan, Pejabat RISDA Negeri Sabah** |

**SYARAT-SYARAT KEPADA PEMBEKAL :**

1. Pembekal dikehendaki melayari Portal Rasmi RISDA untuk pendaftaran bagi pengesahan kehadiran taklimat sebelum dibenarkan memuatnaik paparan slaid berkaitan Tender.
2. Untuk pembelian dokumen, hanya **penama** di dalam Sijil MOF sahaja yang boleh membeli dokumen dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama. Untuk maksud ini, penama wajib **membawa Sijil Asal MOF** dalam kod bidang yang dinyatakan serta masih sah tempoh pendaftaran **serta DUA (2) salinan sijil berkenaan** untuk simpanan dan rekod bayaran pejabat ini semasa membeli dokumen tender. ***PERKHIDMATAN FOTOSTAT TIDAK DISEDIAKAN***.
3. **Dokumen Tender berharga RM200.00 senaskah**. Bayaran dokumen tender hendaklah dalam bentuk Wang Tunai /Kiriman Wang Pos atau Deraf Bank atas nama **"RISDA AKAUN BHG KEWANGAN" (Bagi pembelian di Ibu Pejabat RISDA Kuala Lumpur) dan "PEJABAT RISDA NEGERI SABAH" (Bagi pembelian di Pejabat RISDA Negeri Sabah)**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
4. Dokumen-dokumen **Tawaran Tender Teknikal** dan **Tawaran Tender Kewangan** yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan dalam **dua sampul surat berasingan yang bermeteri dan bertanda dengan jelas Nombor Tender dan Tajuk Bekalan** serta dimasukkan ke dalam satu sampul yang bermeteri dan bertanda dengan jelas Nombor Tender dan Tajuk Bekalan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti dinyatakan di atas.
5. RISDA tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran. Bukti pos tidak dianggap sebagai bukti penerimaan.
6. RISDA berhak untuk menerima keseluruhan atau sebahagian tawaran daripada mana-mana petender. Petender boleh menawarkan harga untuk keseluruhan atau sebahagian item/pakej. Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu tawaran yang berasingan.

***"PEMBERI & PENERIMA RASUAH ADALAH SALAH***
***DI BAWAH AKTASURUHANJAYA PENCEGAH RASUAH MALAYSIA (AKTA 694)"***

**TARIKH IKLAN : 4 FEBRUARI 2021 (KHAMIS)**